

June 2025

AUTHOR: NUR SYAFIQAH MAAROF
EDITOR: SITI AMIRA AISYAH

1. SCHOOL'S OUT, KIDS IN 2025

31/05/2025 (SABTU) – 02/06/2025 (ISNIN)

Penglibatan department Robotik yang diketuai oleh Dr Ikhwan dalam program School's Out, Kids In (SOKI) 2025 yang telah berlangsung selama 3 hari di Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU).

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka dunia sains dan kreativiti secara interaktif. Turut menyertai program ini ialah Faizul (KL Branch) dan Ts. Yusuf (JB Branch).



2. CTSB TECHNICAL RETREAT

02/06/2025 (ISNIN)



Pihak Pengurusan CTSB telah melaksanakan satu sesi *TECHNICAL RETREAT – STRATEGIC BUSINESS & BRAINSTORMING* di Fives Hotel Johor Bahru. Objektif program ini adalah bagi membincangkan hala tuju yang strategik bagi membantu syarikat dalam mengoptimalkan sumber yang ada bagi menjadikan syarikat lebih maju dan berdaya saing. Turut terlibat adalah Pn Arina, Suhana, Azwan Ahmad, Rahimie, Asrol, Bukhori, Hassan dan Shah Erhan.

3. SESI GO-LIVE MODUL HASIL SISTEM EPBT 3.0 MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

03/06/2025 (SELASA) – 05/06/2025 (KHAMIS)

Sesi go-live Modul Hasil bagi Sistem ePBT 3.0 bagi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah dijalankan selama 3 hari di MBIP dan beberapa kaunter luar MBIP. Sesi ini bertujuan untuk membantu pihak MBIP dalam penggunaan sistem baru yang telah dinaiktaraf dari segi teknologi dan antaramuka yang baru. Turut terlibat yang berada di tapak adalah Siti Khairatul, Amirah Inez, Fozuayanis, Aina, Inshirah, Izwan, Khalis, Yuhanis, Abu Dzar, Shafika Manaf, Fadhzillah, Kamilia.

4. KUNJUNGAN UNIVERSITAS PUTERA BATAM KE MSC CYBERPORT

04/06/2025 (RABU)

MSC Cyberport telah menerima kunjungan daripada para pelajar Universitas Putera Batam, Indonesia dalam satu program *study tour*. Program ini dianjurkan bersama rakan kolaborasi kami, Casugol, dalam usaha memberi pendedahan sebenar kepada dunia digital dan teknologi.

Sepanjang sesi, para pelajar dibawa mengenali lebih dekat bagaimana MSC Cyberport memainkan peranan dalam membangunkan ekosistem digital di Malaysia, khususnya Johor. Apa yang lebih menarik, mereka juga berpeluang mengikuti sesi perkongsian santai daripada Pn. Arina, Amanda Tan, dan Asrol. Masing-masing berkongsi pengalaman dan tips dalam dunia kerjaya digital.



5. MPC - AI @ MPC MELAKA

09/06/2025 (ISNIN) – 11/06/2025 (RABU)

Pada 9 hingga 11 Jun 2025, MSC Cyberport dengan kerjasama Malaysia Productivity Corporation (MPC) telah berjaya menjalankan kohort kedua bagi Program Peningkatan Produktiviti melalui Penggunaan AI untuk industri. Program ini memberi peluang kepada peserta dari sektor swasta untuk belajar bagaimana AI boleh membantu meningkatkan produktiviti dan operasi syarikat secara lebih efisien. Sepanjang program, peserta didedahkan kepada ilmu dan strategi penggunaan AI secara praktikal dalam dunia sebenar.

6. PERBINCANGAN BERKENAAN SEWA & CUKAI MAJLIS DAERAH MERSING (MDM)

11/06/2025 (RABU)

Majlis Daerah Mersing telah hadir ke MSC Cyberport untuk mengadakan perbincangan berkenaan dengan Modul Sewa dan Cukai bagi Sistem ePBT. Wakil pegawai daripada Jabatan IT, Sewa dan Cukai telah menghadirkan diri bagi perbincangan berkenaan isu-isu berbangkit sistem dan penyelesaian yang boleh diberikan bantuan oleh pihak CTSSB. Bagi sesi Modul Sewa, diwakili oleh Fozuynis, sesi Cukai diwakili oleh Fadhzillah dan Zaliff selaku coordinator mesyuarat.

7. PERBINCANGAN BERKENAAN PEMUTIHAN DATA MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT)

12/06/2025 (KHAMIS)

Wakil syarikat iaitu Fadhzillah, Siti Khairatul, Nadhirah dan Zaliff telah menghadiri perbincangan berkenaan pemutihan data yang telah diadakan di Majlis Daerah Tangkak. Sesi tersebut adalah bagi membincangkan berkenaan data-data yang perlu dikemaskini bagi tujuan penggunaan sistem dan memastikan data adalah bersih untuk kegunaan integrasi.

8. LEARNING MANAGEMENT SYSTEM PROJECT INITIATION

12/06/2025 (KHAMIS)



Pada 12 Jun 2025, satu mesyuarat strategik telah diadakan bersama Dr. Hafizal (UTHM) dan barisan penyelidik beliau bagi membincangkan cadangan pembangunan sebuah platform pendidikan digital yang diinspirasikan daripada model perkhidmatan 1-to-1 Grab. Platform ini bertujuan untuk menghubungkan pendidik dan pelajar melalui sesi yang dijadualkan secara peribadi, disokong oleh sistem persidangan video berkualiti tinggi serta integrasi sistem pembayaran. Pelaburan sebanyak RM50,000 bagi pegangan ekuiti sebanyak 20% telah dicadangkan, dengan fokus kepada pulangan pelaburan (ROI) yang pantas melalui rangkaian industri yang kukuh.

Inisiatif ini menyasarkan golongan guru bersara, pelajar, dan komuniti B40, dengan sokongan daripada YB-YB dan jawatankuasa PIBG. Dari sudut teknikal, penekanan diberikan kepada aspek automasi, skalabiliti, dan jaminan masa hadapan (future-proofing). Satu kajian perintis akan dijalankan dengan sokongan tokoh-tokoh berpengaruh, diikuti oleh pemasaran yang disasarkan melalui papan iklan dan libat urus komuniti. Mesyuarat ini telah menunjukkan asas yang kukuh untuk membina ekosistem pendidikan yang mampan dan memberi impak sosial.

9. SESI FAT EHR (MODUL KEHADIRAN) MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

13/06/2025 (JUMAAT)

Satu sesi *Final Acceptance Test (FAT)* bagi EHR Modul Kehadiran untuk Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah dijalankan selama satu (1) hari pada 13hb Jun 2025 bertempat di MBPG. Sesi ini adalah pengujian akhir bersama pegawai HR bagi memastikan keperluan yang telah diminta dapat menepati cara kerja MBPG. Sesi ini dihadiri oleh Aina dan En Edy Izwan, wakil dari CTSB.

10. KUNJUNGAN HORMAT EXCO NEGERI KEDAH

13/06/2025 (JUMAAT)



Cybersolution Technologies dengan rasa berbesar hati telah menerima kunjungan hormat daripada wakil EXCO Kerajaan Negeri Kedah dalam satu sesi pertemuan yang penuh bermakna. Kunjungan ini bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama strategik dalam bidang transformasi digital, khususnya berkaitan penyelesaian teknologi untuk sektor kerajaan tempatan dan pembangunan bandar pintar. Kunjungan ini menjadi pemangkin kepada hubungan yang lebih erat antara pihak kerajaan negeri dan sektor teknologi tempatan dalam usaha membina ekosistem digital yang mampan dan inklusif.

11. JURI PENGANJURAN ROBOT ROBOCON 2025

16/06/2025 (ISNIN) – 18/06/2025 (RABU)



Pada 16–19 Jun 2025, Dr Ikhwan telah dilantik sebagai juri kebangsaan bagi Pertandingan Robocon 2025 yang berlangsung di UTHM dan mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pertandingan robotik berprestij ini menghimpunkan pasukan universiti terbaik dari seluruh Malaysia untuk mempamerkan inovasi dan kepakaran teknikal masing-masing.

Pada 18 Jun, wakil kami Ts. Yusuf turut menyertai acara di booth UTHM, di mana beliau memperkenalkan inisiatif kami dalam bidang bandar pintar (smart city) dan kecerdasan buatan (AI). Acara ini mendapat sokongan padu daripada pihak KPT serta liputan media menerusi RTM dan UTHM TV.

Antara penglibatan utama termasuk sesi jaringan bersama penyelidik, perbincangan mengenai geran penyelidikan & pembangunan (R&D) dalam bidang robotik bersama Assoc. Prof. Dr. Ubaidah, serta perancangan awal program STEM di bawah Johor Smart City Forum (JSCF) 2025.

Pelantikan di peringkat kebangsaan ini mencerminkan pengiktirafan yang semakin kukuh terhadap sumbangan kami dalam teknologi pintar dan pemeraksanaan pendidikan STEM di Malaysia.

12. PEMBENTANGAN SMART CITY COURSES & PERBINCANGAN BERKAITAN EPBT BERSAMA YDP MAJLIS PERBANDARAN Pengerang (MPP)

17/06/2025 (SELASA)



Satu sesi pembentangan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang berkenaan dua agenda iaitu pembentangan kursus Bandar Pintar yang diwakili oleh Datuk Nik dan Isma Athirah dibawah unit Cyberport Academy, dan pembentangan berkenaan Sistem ePBT yang diwakili oleh Pn Arina, Fyqa Maarof dan Azwan Ahmad.

13. PERBINCANGAN PSNB MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

20/06/2025 (JUMAAT)



Sesi perbincangan berkaitan sistem Penilaian Am berkaitan isu-isu berbangkit, telah dijalankan bersama pegawai Penilaian Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di Bangunan MBIP. Objektif perbincangan ini diadakan adalah bagi memastikan isu-isu dapat diselesaikan dan memastikan projek dapat ditutup dengan tempoh penyelenggaraan. Turut dihadiri oleh wakil syarikat iaitu Fadhzillah, Siti Khairatul Fakriyah dan Amirah Inez.

14. PERKONGSIAN BERSAMA UTHM *CYBERSECURITY:* *DIGITAL WARRIORS*

21/06/2025 (SABTU)

Pada 21 Jun 2025, satu kerjasama akademik di bawah Program *Digital Warrior: Intensive Training Series* telah diadakan dari jam 10:00 pagi hingga 12:00 tengah hari, anjuran Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), UTHM sebagai sebahagian daripada kursus *Information and Web Security*.

Sesi ini menampilkan perkongsian ilmu oleh Dr Ikhwan, yang berkongsi pengalaman sebenar dalam keselamatan digital, ancaman siber di laman web, dan amalan beretika dalam dunia digital. Seramai 38 orang pelajar telah menyertai sesi ini, dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber, memberi inspirasi dalam penguasaan kemahiran digital, serta merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dan keperluan industri semasa.



15. PERBINCANGAN ISU SEWA DAN BIL PELBAGAI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)

23/06/2025 (ISNIN)

Majlis Bandaraya Johor Bahru mengadakan satu sesi perbincangan berkaitan modul sewa dan naiktaraf bil pelbagai. Perbincangan ini adalah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh MBJB dan memberikan solusi yang boleh memberikan manfaat kepada pengguna dan orang awam. Mesyuarat Sewa dihadiri oleh Aina dan Fozuyanis, manakala mesyuarat Bil Pelbagai dihadiri oleh Fozuyanis dan Azwan Ahmad sebagai wakil CTSSB.

16. SESI LATIHAN NAIKTARAF EPBT 3.0 MODUL HASIL – KAUNTER & KUTIPAN EPBT 3.0 MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)

23/06/2025 (ISNIN)

Sesi latihan bagi naiktaraf sistem ePBT 3.0 Modul Hasil iaitu Kaunter dan Kutipan telah diadakan di Dewan Pulai Ria, Kangkar Pulai. Ia dihadiri oleh jabatan kewangan dan IT bagi sesi latihan tersebut. Pelatih bagi modul kaunter dan kutipan ePBT dari CTSB ialah Inshirah dan Shafika Manaf.

17. DEMO SISTEM HR & GAJI BAGI MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA MELAKA (MPHTJ)

24/06/2025 (SELASA)



Pihak CTSB dan Remicle telah mengadakan demonstrasi dan pembentangan berkenaan Sistem Sumber Manusia dan Pengurusan Gaji kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Melaka. Sesi ini adalah bagi menunjukkan fungsi-fungsi yang diperlukan yang berintegrasi dan mampu menyelesaikan masalah dan keperluan pihak MPHTJ dalam memastikan sistem berintegrasi dan memudahkan proses kerja kepada MPHTJ.

18. SESI LATIHAN NAIKTARAF EPBT 3.0 MODUL HASIL – KAUNTER & KUTIPAN EPBT 3.0 MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)

24/06/2025 (SELASA)

Sesi latihan bagi naiktaraf sistem ePBT 3.0 Modul Hasil iaitu Penilaian telah diadakan di Dewan Pulai Ria, Kangkar Pulai. Ia dihadiri oleh jabatan penilaian dan IT bagi sesi latihan tersebut. Pelatih bagi modul penilaian ePBT dari CTSB ialah Siti Khairatul dan Amirah Inez.

19. KEYNOTE SPEAKER UTM

24/06/2025 (SELASA)



Pada 24 Jun 2025, Puan Ts. Nur Arina Ramlee, telah dijemput sebagai penceramah utama dalam *Postgraduate Annual Research Seminar (PARS2025)* anjuran Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), yang berlangsung di Dewan Seminar KEJORA, UTM Johor Bahru. Seminar tahunan yang bertemakan “Mendorong Inovasi Melalui Kecemerlangan Kecerdasan Buatan dan Pengkomputeran” ini menjadi platform penting untuk pelajar pascasiswazah mempamerkan kemajuan penyelidikan dan idea-idea inovatif dalam bidang teknologi digital.

Perkongsian ini telah memberi inspirasi kepada para penyelidik pascasiswazah untuk berani mencabar batasan konvensional serta berinovasi melalui penyelesaian digital berasaskan AI. Pelantikan beliau sebagai penceramah utama bukan sahaja mencerminkan penghargaan terhadap kepakaran beliau dalam bidang teknologi maklumat dan inovasi, malah mengukuhkan kedudukan Cybersolution Technologies sebagai peneraju solusi digital tempatan yang komited membina ekosistem pintar untuk masa depan negara.

20. SESI LATIHAN NAIKTARAF EPBT 3.0 MODUL HASIL – SEWA & SEWA PELBAGAI MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKu)

24/06/2025 (SELASA)

Sesi latihan bagi naiktaraf sistem ePBT 3.0 Modul Hasil iaitu Sewa dan Sewa Pelbagai telah diadakan pada 25hb Jun 2025. Ia dihadiri oleh jabatan sewa dan IT bagi sesi latihan tersebut. Pelatih bagi modul kaunter dan kutipan ePBT dari CTSB ialah Fozuyanis, Bella dan Shafika Manaf.

21. UTM DAN MSC CYBERPORT PERKUKUH AGENDA DIGITAL JOHOR MELALUI PROJEK AI DAN JS-EZ

25/06/2025 (RABU)



MSC Cyberport dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) secara rasmi telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini, membuka laluan kepada kerjasama strategik dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan inisiatif yang selari dengan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ).

Kerjasama ini mencerminkan sinergi masa depan antara pihak akademik dan industri dengan matlamat mempercepatkan inovasi digital, melahirkan bakat teknologi, serta membangunkan penyelesaian pintar yang menyokong aspirasi sosioekonomi JSSEZ.

Dengan menggabungkan kekuatan masing-masing — kepimpinan ekosistem oleh MSC Cyberport dan kecemerlangan penyelidikan oleh UTM — kedua-dua pihak komited untuk memacu kolaborasi rentas sempadan dan membentuk Johor sebagai hab teknologi serantau.

22. SESI LATIHAN MODUL LESEN EPBT MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG (MPP)

26/06/2025 (KHAMIS)

Majlis Perbandaran Pengerang telah meminta pihak CTSB untuk menjalankan sesi latihan bagi Modul Lesen ePBT yang digunakan oleh Jabatan Lesen pada 26hb Jun 2025. Sesi ini adalah bagi menunjukkan semula cara penggunaan fungsi Modul Lesen kepada pegawai dan IT MPP. Ia dilaksanakan di Hotel Four Points Sheraton yang diwakili oleh wakil syarikat iaitu Inshirah dan Izzati.

23. UTM FACULTY OF COMPUTING OPEN DAY

26/06/2025 (KHAMIS)



MSC Cyberport telah menyertai Hari Terbuka Fakulti Komputeran sempena Hari Penyelidikan dan Inovasi FC 2025 yang berlangsung pada 26 Jun 2025 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sebagai hab digital yang komited terhadap pembangunan bakat dan inovasi, MSC Cyberport berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif ini yang memupuk kerjasama strategik, menampilkan penyelidikan berimpak tinggi, dan memperkasa komuniti melalui solusi digital yang berdaya saing.

Bermula daripada *Industry Talent Hunt* dan *AI Ideathon* sehinggalah ke sesi *Research Pitching*, acara ini telah membuka ruang berharga untuk berinteraksi dengan bakat baharu, meneroka potensi kerjasama akademia-industri, serta menyokong pertumbuhan ekosistem digital negara. Antara wakil MSC Cyberport dan CTSB yang turut terlibat dalam program ini ialah Dr. Ikhwan, Amanda Tan, Mastura, dan Azwan Ahmad.

24. CTSB BERJAYA MELAKSANAKAN SOLUSI PENGECAMAN IMEJ BERASASKAN AI BUAT KALI PERTAMA DI HLN 2025.

26/06/2025 (KHAMIS)



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dengan bangganya telah menganjurkan sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2025 yang berprestij pada 25 hingga 30 Jun 2025 bertempat di Taman Bandar Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor dengan kehadiran penuh hormat Duli Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah binti Sultan Ibrahim, serta turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Johor, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Bertemakan “Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI,” HLN 2025 mengetengahkan kepentingan landskap sebagai pemangkin pembangunan bandar mampan dan kesejahteraan komuniti.

Acara ini telah menawarkan pelbagai aktiviti menarik, pameran interaktif, dan pertandingan yang melibatkan pelbagai pemegang taruh, keluarga, pelajar dan komuniti setempat dalam suasana penuh inklusif. Salah satu sorotan utama HLN 2025 ialah penglibatan aktif Cybersolution Technologies Sdn Bhd (CTSB) yang telah menerima pengiktirafan atas pelaksanaan sistem pengecaman imej berasaskan AI melalui penggunaan Smart CCTV dan teknologi *Computer Vision* yang dibangunkan di bawah Unit Robotik dan Bandar Pintar CTSB. Sistem inovatif ini digunakan bagi mengira dan memantau kehadiran pengunjung secara masa nyata sepanjang lima hari acara berlangsung. Inisiatif ini diterajui oleh Faizul (CTSB-Kuala Lumpur) dan Ts. Yusuf (CTSB-Johor Bahru) dengan penyeliaan teknikal oleh Dr. Ikhwan, sebagai demonstrasi nyata inovasi bandar pintar dan pengurusan acara berasaskan teknologi.





Selain itu, CTSB turut mengendalikan pameran terbuka sepanjang program yang berjaya menarik perhatian ramai terhadap topik-topik semasa seperti rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), pendidikan STEM, aplikasi Kecerdasan Buatan (AI), serta ekosistem bandar pintar. Pameran ini telah dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah, para pendidik, wakil kerajaan tempatan dan peminat teknologi, sekali gus membuka ruang dialog bermakna mengenai transformasi digital dan pembangunan mampan.

Melalui penggabungan teknologi, pendidikan dan keterlibatan komuniti, HLN 2025 berjaya menonjolkan peranan visi MBPG dalam membentuk Pasir Gudang sebagai model bandar hijau yang berpandangan jauh. Diharapkan sistem AI, inovasi serta kerangka kolaborasi yang diketengahkan dalam acara ini akan terus memberi manfaat kepada MBPG dan dapat dijadikan model berskala untuk diguna pakai oleh PBT lain di seluruh negara.